

KAJIAN MANHAJ AL-SHAIBANI DALAM AL-ATHĀR

oleh

SALEHA BINTI ANUAR

Disertasi ini diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan

Ijazah Sarjana Sastera Hadith

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

FEBRUARI 2016

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kehadiran Ilahi Tuhan pentadbir alam. Selawat dan salam buat baginda Rasulullah S.A.W. penyampai risalah dan pembawa rahmat, juga buat ahli keluarga dan para Sahabat yang banyak berjasa. Alhamdulillah, limpahan rahmat dan nikmat yang tidak terhitung menemani perjalanan proses kajian disertasi ini sehingga dapat diselesaikan akhirnya.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Prof. Madya Dr Jasni bin Sulong dan Dr Roshimah binti Shamsudin selaku penyelia yang sentiasa memberi bimbingan yang terbaik dalam menyiapkan disertasi ini. Tidak ketinggalan juga buat Prof. Madya Dato' Dr Mohd Radzi bin Othman dan Prof. Madya Dato' Dr Mohd Asri bin Zainul Abidin yang merupakan para pensyarah yang telah berjasa mencurahkan mutiara-mutiara ilmu yang sangat berharga.

Jutaan terima kasih ditujukan buat ayah Anuar bin Ahmad dan ibu Nor Asmah bt Ismail di atas sokongan padu yang diberikan serta doa yang sentiasa meniti di bibir. Seterusnya buat sahabat-sahabat yang sudi berkongsi ilmu dan bantuan yang diberikan bagi menyiapkan disertasi ini.

Akhirnya didoakan buat semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah memberi balasan yang terbaik buat semua dan dinilai sebagai kebaikan yang berterusan pahalanya.

ISI KANDUNGAN

Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv
Senarai Singkatan	viii
Panduan Transliterasi	ix
Abstrak	xii
Abstract	xiv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Sorotan Kajian	6
1.4 Skop Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Objektif Kajian	11
1.7 Metodologi Kajian	11

BAB 2 : *MANHAJ* PENULISAN BEBERAPA KITAB HADITH TERPILIH

2.0 Pengenalan	13
2.1 Ilmu Hadith dan Bidang Penulisan	13
2.2 Definisi Manhaj	15
2.2.1 Definisi Daripada Segi Bahasa	15
2.2.2 Definisi Daripada Segi Istilah	16

2.3 Manhaj Muhaddithin Dalam Penulisan Kitab-kitab Hadith	18
2.3.1 <i>Al-Masanīd</i>	18
2.3.2 <i>Al-Jawāmi'</i>	26
2.3.3 <i>Al-Sunan</i>	28
2.3.4 <i>Al-Musannafāt</i>	31
2.3.5 <i>Al-Muwattā'āt</i>	33
2.3.6 <i>Al-Ma'ājim</i>	36
2.3.7 <i>Aḥādith al-Aḥkam</i>	38
2.3.8 <i>Al-Ajza' al-Hadīthiyah</i>	40
2.3.9 <i>Al-Atraf</i>	41
2.3.10 <i>Al-Zawā'id</i>	44
2.3.11 <i>Al-Majāmi'</i>	46
2.3.12 <i>Al-Mustadrakāt</i>	48
2.3.13 <i>Al-Mustakhrajāt</i>	51
2.3.14 <i>Kutub al-Aḥādīth Al-Mawdu'āt</i>	54

BAB 3 : KETOKOHAN MUHAMMAD BIN HASAN AL-SHAIBANI

3.0 Pengenalan	58
3.1 Latar Belakang Muhammad Bin Al-Hasan Al-Shaibani	58
3.1.1 Nama Penuh	58
3.1.2 Asal-Usul dan Kelahiran	59
3.2 Pendidikan	61
3.2.1 Pengembaraan Ilmiah	63
3.2.1.1 Kembara ke Madinah	64
3.3 Guru-guru al-Shaibani	65
3.4 Murid-murid al-Shaibani	71

BAB 5 : KESIMPULAN

5.0 Pengenalan 140

5.1 Hasil Kajian 140

5.2 Cadangan dan Saranan 144

BIBLIOGRAFI 145

SENARAI SINGKATAN

cet	= cetakan
hlm	= halaman
h	= hijrah
Ibid	= Ibidem (sumber yang sama dan baharu sahaja disebut)
jil	= jilid
pnytg	= penyunting
S.A.W	= Sallallah ‘Alayh Wa Sallam
t.th	= tanpa tahun
w	= wafat

PANDUAN TRANSLITERASI¹

Senarai panduan seperti berikut :

1. Huruf Konsonan

Huruf Arab	Nama	Transliterasi
ا	<i>alif</i>	a / ’
ب	<i>bā’</i>	b
ت	<i>tā’</i>	t
ث	<i>thā’</i>	th
ج	<i>jīm</i>	j
ح	<i>ḥā’</i>	ḥ
خ	<i>khā’</i>	kh
د	<i>dāl</i>	d
ذ	<i>dhāl</i>	dh
ر	<i>rā’</i>	r
ز	<i>zay</i>	z
س	<i>sīn</i>	s
ش	<i>syīn</i>	Sy / Sh
ص	<i>ṣād</i>	ṣ

¹ Panduan Transliterasi ini berpandukan kepada *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi* (1988). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka b.p. Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia.

ض	<i>dād</i>	ḍ
ط	<i>ṭā'</i>	ṭ
ظ	<i>ẓā'</i>	ẓ
ع	<i>‘ayn</i>	‘a
غ	<i>ghayn</i>	gh
ف	<i>fā'</i>	f
ق	<i>qāf</i>	q
ل	<i>lām</i>	l
م	<i>mīm</i>	m
ن	<i>nūn</i>	n
و	<i>wāw</i>	w
هـ	<i>hā'</i>	h
ي	<i>yā'</i>	y
ة	<i>tā' marbutah</i>	ṭ

2. Huruf Vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	<i>(fathah)</i>	a
	<i>(dammah)</i>	u
	<i>(kasrah)</i>	i

Panjang	اَ	<i>ā</i>
	أُو	<i>ū</i>
	إِي	<i>ī</i>
Diftong	آو	<i>aw</i>
	أَي	<i>ay</i>
	يَ	<i>iy/i</i>
	وَي	<i>uw</i>

KAJIAN *MANHAJ* AL-SHAIBANI DALAM *AL-ATHĀR*

ABSTRAK

Bidang penulisan merupakan antara medan utama dalam menyebarkan ilmu pengetahuan. Para ulama *Salaf* dan *Khalaf* telah banyak menghabiskan masa mereka untuk terus berkecimpung dalam bidang penulisan menghasilkan karya demi karya buat panduan generasi selepasnya. Pelbagai pendekatan yang digunakan agar dapat dipastikan karya yang dihasilkan memenuhi objektif yang digariskan. Walau bagaimana pun, penguasaan terhadap *manhaj* yang dilakarkan dalam sesebuah penulisan kurang diberi tumpuan oleh masyarakat kini dan menyebabkan kurang kefahaman terhadap kandungan sesebuah karya. Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan menyingkap antara *manhaj* yang diguna pakai oleh para ulama hadith dalam penghasilan karya mereka dan mengkaji latar belakang al-Shaibani dan pertaliannya dalam bidang hadith serta *manhaj* beliau dalam kitabnya *al-Athar*. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini melibatkan metod pengumpulan data dan penganalisan data. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini mendapati bahawa para ulama telah banyak menghasilkan karya dengan bercirikan metodologi yang pelbagai di samping memberi kemudahan untuk dijadikan sebagai rujukan. Dapatan kajian turut mendapati bahawa al-Shaibani dikritik oleh ulama hadith atas alasan-alasan yang tertentu seperti dituduh berbohong dan dikaitkan dengan mazhab *Jahmiyah*. Manakala kajian terhadap *manhaj* al-Shaibani juga berhasil menyingkap lapan *manhaj* yang diaplikasi oleh beliau dalam kitab *al-Athar*. Antaranya adalah menumpukan pada *athar-athar* yang berkaitan *fiqh*. Selain itu, beliau turut meriwayatkan *athar* yang mempunyai *sanad* yang *marfu'*, *mawquf*

dan *maqtu'*. Ini menjadi bukti keupayaan beliau dalam menggarap ilmu-ilmu yang diperolehi melalui guru-gurunya.

A STUDY OF THE METHODOLOGY OF AL-SYAIBANI IN *AL-ATHĀR*

ABSTRACT

Writing is one of the main fields in the dissemination of knowledge. The *Salaf* and *Khalaf* has spent much of their time to continue to dabble in writing to produce works of art for the sake of the next generation of guidelines. Various approaches are used in order to ensure that the work meets the objectives outlined. However, mastery of the methodology outlined in the writing of a lack of focus for the community now and lead to less understanding of the content of a work. Thus, this study aims to reveal the methodology adopted by the traditionalists in the production of their work and investigate the background of al-Shaibani and its relationship in the field of hadith and his method in his book *al-Athār*. The methodologies used in this study involves the method of data collection and data analysis. The results obtained from this study found that scholars have a lot of work with the feature various methodologies as well as provide facilities to serve as a reference. The study also found that al-Shaibani criticized by traditionalists for certain reasons such as being accused of lying and being associated with the sect *Jahmiyah*. While research on the methodology of al-Shaibani also uncovered eight methodologies applied by him in the book *al-Athār*. Among them is the focus on *athār-athār* related jurisprudence. In addition, he also narrated *athār* having a *marfu'* chains', *mawquf* and *maqtu'*. This is proof of his ability to capture the knowledge gained through his teachers.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian yang akan mengupas isi-isi penting berkaitan kajian ini. Perbincangan melibatkan permasalahan kajian yang menjadi pencetus kepada kajian ini dijalankan selain kepentingan dan objektif yang digandingkan bersama dalam melengkapi sesebuah kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Ketika Nabi S.A.W. diutuskan Allah kepada umat ini, diturunkan bersama baginda S.A.W. dua cahaya iaitu *al-Kitab* dan *al-Sunnah*. *Al-Sunnah* merupakan keterangan dan penjelasan bagi al-Quran dalam memahami maksud kandungannya. Tanpa penerangan *al-Sunnah*, seseorang itu tidak akan mampu melaksanakan perintah-perintah yang terdapat di dalam kitab Allah kerana di dalamnya terdapat perkara-perkara *mujmal* yang perlu dirungkaikan oleh *al-Sunnah*, seperti mana solat, zakat, puasa, haji, hudud, dan lain-lain lagi.¹

Justeru, para ulama memberi perhatian yang lebih dalam hal pengumpulan hadith dan penulisannya setelah 'Umar bin 'Abd 'Aziz yang menjadi perintis fikrah tersebut berasaskan kebimbangannya terhadap khazanah ilmu yang akan lenyap disebabkan kewafatan para penghafaz hadith yang dijadikan sandaran dalam memperolehi hadith-hadith Nabi S.A.W. Begitu juga kebimbangannya terhadap percampuran di antara perkara yang *hak* dan *batil* berikutan keluasan tampuk pemerintahan negara Islam dari

¹ Sa'ad bin Abdullah al-Humaid, 1999, *Manahij al-Muhaddithin*, Dar 'Ulum al-Sunnah, Riyad, hlm 2.

pelbagai jenis bangsa. Di samping terdapat dalam kalangan mereka ini yang mempunyai matlamat untuk merosakkan agama Islam di sebalik kepura-puraan mereka menerima Islam. Faktor ini juga yang menjadi penyebab kepada penyelewengan terhadap hadith-hadith Nabi S.A.W. pada zaman tersebut.²

Setelah itu para ulama di setiap tempat memulakan tugas dengan mengumpul dan menulis hadith serta membuat penelitian dari sudut kesahihannya secara berperingkat. Usaha pengumpulan hadith terus berkembang baik di bawah pimpinan ilmuan-ilmuan yang terkenal dengan sifat amanah dan benar. Mereka sentiasa membuat penelitian dan pengesahan terhadap apa-apa yang disampaikan kepada mereka. Kehidupan mereka hanya dihabiskan untuk mendapatkan ilmu, ditemani oleh catatan-catatan ilmu yang diperolehi setelah melalui perjalanan yang panjang untuk bertemu para alim ulama yang memiliki keupayaan ilmu yang mantap. Usaha tersebut membuahkan hasil yang sangat bermanfaat dalam bidang penulisan hadith dan terus diwarisi dari generasi ke generasi.³

Manhaj penulisan ulama juga sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Pada peringkat permulaannya setelah zaman *al-Sahabah*, para *tabi'in* mengambil peranan dalam menghimpun hadith-hadith serta merekodkannya dalam usaha memelihara hadith daripada penyelewengan pihak yang tidak bertanggungjawab. Penulisan pada zaman ini berlaku dalam bentuk yang umum dengan mencampur adukkan di antara hadith dan *athar* ataupun fatwa-fatwa para sahabat dan *tabi'in*.

² Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah, 1988, *Al-Ta'rif bi Kutub al-Hadith al-Sittah*, Maktabah al-Ilm, Kaherah, Mesir, cet: 1, hlm : 19.

³ Ibid, hlm : 20-21.

Manakala kecenderungan penulisan pada zaman berikutnya iaitu zaman *atba' tabi'in*, perhatian diberikan kepada penulisan berbentuk *masanid* yang mengasingkan di antara hadith dan fatwa para sahabat dan *tabi'in*. Ini bermakna penumpuan hanya diberikan kepada hadith-hadith Nabi S.A.W. sahaja. Penambahbaikan pada zaman pasca *atba' tabi'in* juga menggambarkan satu peningkatan yang cukup baik apabila hadith-hadith direkodkan dengan lebih sistematik. Penyusunan yang dibuat berbentuk himpunan hadith-hadith *sahih* dan disusun mengikut bab-bab tertentu. Pada zaman inilah munculnya penghasilan karya *Kutub al-Sittah*⁴.

Pada kurun ketiga dikenali sebagai zaman keemasan dalam sejarah pengumpulan hadith-hadith Nabi S.A.W. Munculnya pakar-pakar dalam bidang hadith yang disebut juga ' *kibar aimmat al-hadith* ', begitu juga para pengkritik hadith dalam usaha memurnikan hadith yang sentiasa dijadikan rujukan oleh para *fuqaha*, *mujtahid*, dan pengarang-pengarang ilmu dalam pelbagai bidang⁵.

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas bahawa pada awal zaman periwayatan hadith penumpuan hanya diberikan pada hadith-hadith Nabi S.A.W. di samping pemeliharaan terhadap ayat-ayat al-Quran. Perhatian terhadap *athar* berlaku lewat kerana ianya dianggap tidak lebih daripada pandangan yang diberikan oleh pengungkapnya. Sedangkan menurut Abu Abdullah Sayyid bin Kasrawi, *athar* juga memainkan peranan dalam membentuk *usul syariat* seperti mana hadith dan ayat al-

⁴ Muhammad Subhi al-Salih, 2009, *Ulum al-Hadith wa Mustalahuh*, Dar al-'ilmi li al-Malayin, Beirut-Lubnan, hlm : 48.

⁵ Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah, *Al-Ta'rif bi Kutub al-Hadith al-Sittah*, hlm : 25.

Quran. Justeru, ia merupakan ungkapan seumpama lafaz-lafaz hadith yang *mawquf* atau fatwa-fatwa pada sesetengah keadaan⁶.

Justeru, pengkaji berhasrat melakukan kajian terhadap manhaj karya yang berkaitan dengan *athar* yang memberi sumbangan kepada percambahan dalam ilmu hadith iaitu dengan memberi tumpuan kepada karya *al-Athar* karangan al-Shaibani.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Manhaj merupakan elemen penting dalam penghasilan karya-karya yang bermutu dan berkualiti. Kepelbagaian *manhaj* atau teknik yang diguna pakai dalam penulisan dapat memberi gambaran yang lebih jelas berdasarkan objektif yang ditetapkan. Selain itu, kepentingan menguasai *manhaj* sesebuah karya dapat membantu memahami kandungan karya tersebut seterusnya membuat penilaian terhadap kekualitiannya untuk dijadikan panduan dan rujukan.⁷

Namun, fenomena yang berlaku dalam masyarakat kini yang kurang memberi tumpuan terhadap *manhaj* sesebuah penulisan telah memberi kesan kepada tidak memahami kaedah penyampaian ilmu dalam sesebuah penulisan yang dihasilkan. Terutama bagi kitab-kitab dalam bidang hadith yang dihasilkan dengan *manhaj* yang

⁶ Abu Abdullah Sayyid bin Kasrawi bin Hasan, 1997, *Mausu'ah Athar Sahabat*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, cet 1, hlm : 6.

⁷ Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz Soroni dan Rosni Wazir, 2010, *Manahij al-Muhaddithin Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith*, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm xvii.

pelbagai dan memerlukan kepada memahami konsep *manhaj* yang diaplikasi oleh pengarangnya.

Salah seorang ulama yang memberi sumbangan dalam bidang penulisan adalah Muhammad bin Hasan al-Shaibani. Beliau telah menghasilkan karya-karya yang pelbagai seperti Kitab *Al-Jāmi' al-Saghīr*, *Siyar al-Kabīr*, *Muwatta'* riwayat al-Shaibani daripada Malik, termasuklah *kitab al-Athār*. Namun beliau yang merupakan anak murid Abu Hanifah telah mendapat kritikan yang hebat daripada beberapa orang ulama.

Muhammad bin Hasan turut dikatakan seorang pembohong dan dikaitkan dengan mazhab yang menyeleweng. Contoh kritikan tersebut dapat dilihat melalui riwayat - riwayat berikut : Riwayat daripada Abu Nu'aim berkata : berkata Abu Yusuf : "*Muhammad bin al-Hasan membohongi ke atasku*". Selain itu, beliau turut dikaitkan dengan mazhab *Jahm* berdasarkan riwayat Abu Ismail al-Tirmizi menyebut : saya mendengar Ahmad bin Hanbal berkata : "*Muhammad bin al-Hasan pernah bermazhab dengan mazhab Jahm*". Kenyataan lain daripada Hanbal bin Ishak daripada Ahmad: "*Abu Yusuf adalah seorang yang da'if dalam ilmu hadith, manakala Muhammad bin al-Hasan dan gurunya Abu Hanifah menyalahi dengan al-athār*"⁸

⁸ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, 2002, *Lisan al-Mizan*, Maktabah al-Matbu'at al-Islamiyah, Beirut, Lubnan, jil 7, hlm 62.

Dakwaan beliau seorang pendusta adalah daripada gurunya sendiri iaitu Abu Yusuf. Manakala Al-Nasai' menilainya sebagai *layyin al-hadith* dari sudut hafalannya. Selain itu beliau turut menghasilkan kitab-kitab yang menghimpunkan *athar-athar* yang disandarkan kepada Nabi S.A.W. Salah satu karyanya iaitu *Kitab al-Athar* merupakan antara kitab yang paling utama sebagai rujukan hujah dalam mazhab Hanafi. Bahkan kitab ini mendapat perhatian Ibn Hajar dan kemudian beliau mengarang kitab *Al-It̤har bi Ma'rifat Ruwat al-Athar* yang membahaskan mengenai perawi-perawi yang terdapat di dalamnya.⁹

Oleh itu, kajian yang akan dijalankan terhadap karya tersebut penting dalam menilai ketokohan dan kepakaran beliau dalam bidang ilmu hadith.

1.3 SOROTAN KAJIAN

Hasil penelitian terhadap tajuk kajian ini, pengkaji mendapati beberapa tesis berkaitan karya Muhammad bin Hasan al-Shaibani dan *manhajnya* pernah dihasilkan. Berdasarkan semakan yang dilakukan, terdapat tiga kajian di peringkat ijazah tinggi telah dibuat mengenai beliau. Maklumat kajian tersebut adalah seperti berikut :

1. "*Syarh Kitab al-Muwatta' bi Riwayat Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani li Mula 'Ali Qari al-Harawi*". Sebuah tesis peringkat sarjana berbentuk kajian penyelidikan yang dihasilkan oleh Zainab Ismail Ahmad Mubarakhi daripada

⁹ Muhammad bin Hasan al-Shaibani, 2008, *Kitab al-Athar*, Dar al-Nawadir, Dimasyq-Syria, cet 1, jilid 1, hlm : 26 .

Universiti Ummul Qura. Penyelidikan yang dibuat berdasarkan penjelasan dan huraian Mula 'Ali Qari terhadap karya *Muwatta'* riwayat al-Shaibani. Beliau hanya menyentuh daripada permulaan bab hingga akhir bab *Iftitah al-Salat*. Kajian ini dibahagikan kepada tiga bab iaitu; 1- Imam Malik dan Kitabnya *Al-Muwatta'*, 2- Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani, 3- Mula 'Ali Qari dan Syarahannya terhadap *Muwatta'* riwayat Muhammad bin al-Hasan.

2. " *Syarh Muwatta' Malik bi Riwayat Muhammad bin al-Hasan li Mula 'Ali al-Qari* ". Kajian daripada kitab yang sama dan dijalankan oleh Aisyah binti Mustafa al-Shanqiti, disertasi sarjana dari Universiti Ummul Qura. Perbezaan kajian kedua ini adalah pada kelainan bab yang dibincangkan, di mana kajian ini memberi fokus pada permulaan *kitab al-Diyat* dan berakhir pada *kitab al-Aiman wa al-Nudhūr*. Kajian ini juga menampilkan peribadi Muhammad bin Hasan al-Shaibani dan *manhaj*nya dalam meriwayatkan *Muwatta'* seterusnya menjadi panduan kepada al-Qari untuk menghuraikannya dalam membincangkan permasalahan *fiqh Hanafi*.

Berdasarkan kedua-dua kajian di atas, pengkaji mendapati kajian tersebut menampilkan latar belakang Muhammad bin Hasan al-Shaibani secara ringkas dan *manhaj*nya dalam meriwayatkan *Muwatta'* Malik. Manakala pengkaji memilih untuk mengkaji *manhaj* Muhammad bin Hasan al-Shaibani dalam *Kitab al-Athar* melalui periwayatannya daripada Abu Hanifah dan beberapa gurunya yang lain.

3." *Manāḥij al-Tasnif 'Inda al-Muhaddithīn* ". Merupakan sebuah tesis sarjana yang dihasilkan oleh Muhibuddin bin 'Abd Sabhan Wa'idh dari Universiti Ummul Qura. Kajian ini berkisar tentang *manhaj* penulisan para *Muhaddithīn* dan perbincangan ringkas mengenai Muhammad bin Hasan al-Shaibani dan *manhaj*nya dalam meriwayatkan *Muwatta'*.

Fokus utama kajian ini adalah mengenai kaedah penulisan ulama *muhaddithīn* dalam menghasilkan beberapa karya penulisan dan antara *manhaj* yang dibincangkan ialah *manhaj Muwatta'* Malik yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Hasan al-Shaibani. Pengkaji juga akan mengkaji tentang *manhaj* para *muhaddithīn* dalam menghasilkan karya mereka yang pelbagai. Namun, ia terbatas pada beberapa karya yang terpilih sahaja kerana pengkaji akan memberi penumpuan kepada *manhaj* Muhammad bin Hasan al-Shaibani dalam kitabnya *al-Aṭḥār* selain daripada mengenali latar belakang dan ketokohan beliau dalam membentuk keilmuannya.

Selain kajian tesis yang dilampirkan ini, pengkaji juga mendapati beberapa artikel yang membincangkan mengenai ketokohan Muhammad bin Hasan al-Shaibani secara ringkas. Di antara artikel tersebut ialah :

1. " Min Qudat al-Islam : Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani " Di tulis oleh Fuad 'Abd Mun'im Ahmad, Jurnal *al-Ba'th al-Islami* pada 8 Disember 1983¹⁰.

¹⁰ <http://www.alukah.net/web/fouad/0/29893/#ixzz3WCth5zRv>. Tarikh dilawati : 6/4/2015.

2. " *Muhammad bin al-Hasan Baina al-Jarh wa al-Ta'dil* " ¹¹.

Setakat penelitian yang dibuat, pengkaji mendapati kajian *manhaj kitab al-Athar* karangan Muhammad bin Hasan al-Shaibani masih belum dijalankan. Justeru, pengkaji mengambil peluang ini di samping memperkenalkan kitab-kitab *turath* yang mempunyai nilai ilmiah yang sangat berharga.

1.4 SKOP KAJIAN

Dalam merangka tajuk penulisan ini agar tidak tersasar jauh daripada matlamatnya, pengkaji meletakkan batasan agar ia sesuai untuk dijadikan sebagai satu kajian ilmiah yang bernilai serta mencapai objektif yang dikehendaki. Kajian ini akan tertumpu pada *manhaj* Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani di dalam kitab *al-Athar* yang dikarang beliau. Pengkaji akan meneliti kaedah yang digunakan dalam mengarang kitabnya *al-Athar*. Justeru, *manhaj* penulisan bagi kitab-kitab hadith terpilih yang telah dihasilkan oleh para *muhaddithin* juga menjadi bahan kajian pengkaji. Seterusnya kajian mengenai ketokohan Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani akan turut dibincangkan. Beberapa contoh *athar* yang mempunyai rangkaian *sanad* yang pelbagai akan penulis paparkan bersama dalam kajian ini.

Kitab yang akan menjadi rujukan penulis dalam kajian ini adalah *kitab Al-Athar li Imam Muhammad bin Hasan al-Shaibani* yang ditahqiq oleh Khalid al-'Awwad terbitan Dar al-Nawadir, Damsyik, Syria. Merupakan cetakan pertama pada tahun

¹¹ www.ibnamin.com/Manhaj/ibn_hasan.htm. (Tarikh dilawati : 4/4/2015).

2008. Pengkaji memilih cetakan ini kerana merupakan cetakan terkini yang *ditahqiq* secara lengkap. Cetakan lain yang dapat dikesan ialah cetakan Dar al-Salam, Mesir yang diterbitkan pada tahun 2006.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan yang dilihat oleh pengkaji sebagai penyebab untuk melaksanakan kajian ini adalah seperti berikut :

1. Hasil kajian ini dapat menyerlahkan ketokohan al-Shaibani dalam bidang hadith.
2. Hasil kajian ini penting kerana dapat menjelaskan perkembangan metod penulisan *al-Sunnah*.
3. Hasil kajian ini membuktikan kedudukan *athar* sebagai rujukan dalam menyelesaikan permasalahan agama.
4. Hasil kajian ini penting untuk mengetahui *manhaj* al-Shaibani dalam kitab beliau seterusnya sebagai sumbangan dalam bidang ilmu hadith.
5. Hasil kajian ini dapat memperlihatkan pertalian antara dua bidang ilmu iaitu ilmu hadith dan *fiqh* yang saling berkait daripada sudut kedudukan hadith dan *athar* yang menjadi hujah dalam mengistinbat hukum-hukum *fiqh*.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah :

1. Mengkaji *manhaj muhaddithīn* dalam penulisan karya-karya hadith.
2. Mengkaji ketokohan al-Shaibani dan latar belakang kitab-kitab karyanya.
3. Mengkaji *manhaj* al-Shaibani di dalam *Kitab al-Athar*.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini melibatkan beberapa metod bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Justeru, penulis memilih dua kaedah sebagai asas penulisan kajian ilmiah ini.

1.7.1 Metod Pengumpulan Data

Bagi tujuan pengumpulan data, penulis akan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Ini bermakna, penulis akan mendapatkan maklumat berkaitan tajuk kajian daripada bahan-bahan seperti buku, jurnal, disertasi, dan sebagainya.

Bahan-bahan ini juga akan diperolehi daripada Perpustakaan Sendut 1, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah (KUIN), serta lain-lain pusat pengajian.

1.7.2 Metodologi Analisis Data

Bagi peringkat penganalisan data ini, beberapa kaedah akan diaplikasikan oleh penulis. Antara kaedah tersebut ialah :-

1.7.2.1 Metod Deduktif

Melalui kaedah ini penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan daripada data umum yang diperolehi menjadi kesimpulan khusus. Dalam kajian ini, penulis akan menghimpunkan maklumat berkaitan manhaj penulisan karya hadith, latar belakang Muhammad bin Hasan al-Shaibani dan perbincangan dalam kitabnya *Al- ath̄ar*. Kemudian penulis akan membuat kesimpulan mengenainya serta merumuskan manhaj penulisan kitab tersebut.

1.7.2.2 Metod Induktif

Melalui kaedah ini, penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan daripada data khusus yang diperolehi menjadi kesimpulan umum. Penulis menjadikan manhaj yang disusun oleh Muhammad bin Hasan al-Shaibani di dalam kitabnya sebagai bukti peranan *ath̄ar* dalam menghurai maksud hadith yang menjadi asas syariat islam.

BAB 2

MANHAJ PENULISAN BEBERAPA KITAB HADITH TERPILIH

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai *manhaj* para ulama hadith dalam menghasilkan karya-karya mereka. Beberapa jenis kitab hadith akan dikemukakan beserta penjelasan *manhaj* yang diaplikasi di dalamnya.

2.1 Ilmu hadith dan bidang penulisan

Ilmu hadith merupakan ilmu yang sangat mendapat perhatian daripada kalangan para pencinta ilmu untuk berkhidmat bagi ilmu yang dinisbahkan kepada Nabi S.A.W. Begitu juga sebarang bentuk kajian dan penelitian yang dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan *penthabitannya* dan memelihara ilmu yang menjadi sumber kedua *syariat* Islam ini kekal asli. Seterusnya mereka terus berusaha mendalami dan menyebarkannya kepada umat.¹²

Allah S.W.T. telah mengutuskan sekumpulan ulama pada setiap zaman yang sentiasa bersedia berkhidmat untuk hadith Nabi S.A.W. Mereka mencatat dan memeliharanya dengan baik sehinggalah sampai kepada umat akhir zaman seperti mana yang diterima oleh para Sahabat daripada Nabi S.A.W.¹³ Para ulama juga sentiasa memberi galakan dan dorongan dalam pemeliharaan ilmu hadith melalui bidang penulisan. Al-Qasimi menukilkan kata-kata al-Zarkasyi seperti berikut : " *Menulis ilmu itu adalah*

¹² 'Abd 'Aziz bin Imam al-Dihlawi, (t.th), *Bustan al-Muhaddithin fi Bayan Kutub al-Hadith wa Ashabuha al-Ghar al-Mayamin*, Muhammad Akram al-Nadwi (pnytg), Dar al-Gharb al-Islami,t.tp, hlm 5.

¹³ Mahmud Salim 'Ubaydat, (2008), *Tarikh al-Hadith wa Manahij al-Muhaddithin*, Mahmud Nadi 'Ubaidat (pnytg), Dar al-Manahij, 'Amman, hlm 15.

fardu kifayah bagi sesiapa yang dikurniakan oleh Allah S.W.T keupayaan memahami dan menghasilkan ilmu yang dapat memberi manfaat. Tanpa penulisan manusia akan menjadi terasing daripada pengetahuan dan hidup dalam kejahilan".¹⁴ Abu Jamil al-Hasan al-'Ilmi juga mengaitkan bahawa mengetahui *sina'ah hadithiyah* akan mendedahkan para pengkaji ilmu ini kepada memahami *fiqh sunnah* iaitu mendalami maksud lafaz hadith Nabi S.A.W. secara tersirat dan tersurat. Ia juga membuka ruang lapangan ilmu yang sangat luas dan memerlukan rujukan yang pelbagai sebagai panduan.¹⁵

Hakikatnya, gerakan ilmu hadith dan para *muhaddithin* sentiasa berada pada tahap peningkatan dan perkembangan ilmu yang baik. Ini dapat dilihat pada penghasilan karya mereka yang pelbagai dari semasa ke semasa¹⁶. Bahkan hasil usaha mereka ini dilihat saling lengkap-melengkapi disamping mengukuhkan institusi *al-Sunnah* itu sendiri¹⁷.

Jelas di sini bahawa usaha para ulama *salaf* dan *khalaf* menghasilkan karya yang pelbagai dan merupakan kesinambungan ilmu yang tidak pernah terhenti. Usaha ini berterusan dan dapat dimanfaatkan oleh para penuntut ilmu sebagai sumber dalam pengkajian ilmu yang sangat luas.

¹⁴ Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, (t.th), *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*, Dar al-Kutub al- 'Ilmiyah, Beirut, hlm 37.

¹⁵ Abu Jamil al-Hasan al-'Ilmi, (2005), *Ummahat Kutub al-Hadith wa Manahij al-Tasnif 'Inda al-Muhaddithin*, Maahad al-Gharb al-Islami, Qanaitrah, www.islamicwest.org, hlm 2.

¹⁶ Hammam Abd Rahim Sa'id, (1408), *Al-Fikr al-Manhaji 'Inda al-Muhaddithin*, Kitab al-Ummah, cet- 1, Qatar, hlm 110.

¹⁷ Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz Soroni, Rosni Wazir, (2010), *Manahij al-Muhaddithin Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm 228.

2.2 Definisi *Manhaj*

Sebelum penerangan lanjut mengenai maksud *manhaj* kitab, pengkaji melihat keperluan membincangkan mengenai definisinya terlebih dahulu.

2.2.1 Maksud *Manhaj* dari sudut bahasa :

Perkataan *manhaj* merupakan perkataan bahasa arab yang berasal daripada *Nahaja*, maknanya seerti dengan *Tariq Nahj* iaitu jelas dan terang. Perkataan *Tariq Nahj* juga memberi maksud yang sama dengan perkataan *Sabil Manhaj* begitu juga perkataan *al-Minhaj* dan *al-Manhaj* iaitu suatu keterangan dan penjelasan.¹⁸

Perkataan *al-Minhaj* disebut di dalam al-Quran sepertimana firman Allah S.W.T. : ((لِكَلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا))¹⁹, perkataan *al-Minhaj* yang terdapat di dalam ayat ini bermaksud *al-Tariq al-Wadih*. Sebahagian ulama berpandangan bahawa *al-Syaria't* dan *al-Minhaj* mempunyai maksud yang sama iaitu agama. Bahkan pandangan yang lain pula mengatakan terdapat perbezaan di antara keduanya iaitu perkataan *al-Syaria't* membawa maksud perintah Allah terhadap hamba-hambanya, manakala *al-Minhaj* bermaksud jalan untuk sampai kepada Syariat. Al-Baghawi membawa kenyataan Ibn 'Abbas mengenai maksud *al-manhaj* iaitu *Sabil wa Sunnah*. Perkataan *al-Syir'ah* dan *al-Minhaj* pula bermaksud : *al-Tariq al-Wadih*.²⁰

¹⁸ Abu al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Makram Ibn Manzur al-Ifriqi al-Misri, (t.th), *Lisan al-'Arab*, Dar Sadir, Beirut, Jilid 2, hlm 383.

¹⁹ Surah al-Ma'idah : 48.

²⁰ 'Ala al-Din 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadi dan Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud al-Farra' al-Baghawi, (1995), *Tafsir al-KHazin al-Musamma Lubab al-Ta'wil Fi Ma'ani al-Tanzil dan Tafsir al-Baghawi al-Musamma Ma-alim al-Tanzil*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, cet-1, jilid 2, hlm 280.

Sementara itu, Mahmud Salim menyatakan definisi bagi perkataan " *al-Minhaj*" iaitu perancangan yang diatur seperti perancangan pembelajaran, kurikulum dan sebagainya. Menurut beliau lagi *al-Nahj* disini juga membawa maksud keterangan yang jelas.²¹ Bahkan Ibn al-Athir membawa riwayat daripada al-'Abbas iaitu ((*يَمُتْ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ حَتَّى تَرَكَكُمْ عَلَى طَرِيقِ نَاهِجَةٍ*)) dan riwayat tersebut menjelaskan maksud perkataan *Nahijah* iaitu terang lagi jelas.²² Kesimpulannya, perkataan *al-Manhaj* memberi maksud keterangan dan penjelasan mengenai teknik-teknik atau kaedah yang digunapakai.

2.2.2 Definisi *Manhaj* pada segi istilah :

Daripada segi istilah, perkataan *manhaj* ditakrifkan sebagai pendekatan atau metod para *muhaddithin* dalam meriwayatkan hadith, membuat ulasan dan penerangan, di samping penulisan dan karya-karya yang dihasilkan berpandukan syarat-syarat tertentu. Definisi ini adalah menurut pandangan 'Ali Naif al-Biqai'.²³

Manakala Mahmud Salim pula mendefinisikan *al-manhaj* sebagai pendekatan yang diambil oleh ulama dalam menghasilkan karya mereka dari aspek penyusunan dan aturan bab. Definisi ini juga merupakan pentakrifan para *muhaddithin* dan terdapat sedikit penambahan iaitu *manhaj* juga bermaksud kaedah yang diguna pakai dalam mengkaji hadith-hadith Nabi S.A.W.²⁴

²¹ Mahmud Salim 'Ubaidat, (2008), *Tarikh al-Hadith wa Manahij al-Muhaddithin*, hlm 17.

²² Majd al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari Ibn al-Athir, (2000), *Al-Nihayat Fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*, Dar Ibn al-Jawzi, Riyad, cet 1, hlm 949.

²³ 'Ali Naif Biqai', (2011), *Manahij al-Muhaddithin* , Dar al-Bashai'r al-Islamiyah, Beirut, cet -4, hlm 20.

²⁴ Mahmud Salim 'Ubaidat, (2008), *Tarikh al-Hadith wa Manahij al-Muhaddithin*, hlm 17-18.

Secara umumnya, *manhaj* para *muhaddithin* merupakan perbincangan yang sangat luas merangkumi semua aspek dalam bidang hadith dari sudut *riwayah* dan *dirayah*. Justeru, perbincangan ulama *muhaddithin* yang menyentuh aspek *riwayah* dan *dirayah* ini mengikut ketetapan tertentu yang telah mereka gariskan dan melalui kaedah-kaedah yang jelas. Ini membuktikan bahawa ulama *salaf* dan *khalaf* saling bekerjasama dalam usaha memartabatkan hadith sebagai sumber *syariat* Islam yang kedua selepas al-Quran.²⁵

Muhammad 'Ali Salih al-Ghamidi tampil menghurai maksud *Manahij al-Muhaddithin* dengan mengatakan bahawa ia merupakan asas para ulama dalam mengkritik perawi dan hadith yang diriwayatkan, istilah yang diguna pakai oleh ulama, syarat-syarat dalam penulisan mereka, dan ulasan mereka bagi setiap perkara yang berkaitan dalam bidang ilmu hadith. Bahkan mempelajari *manhaj* para *muhaddithin* secara tidak langsung dapat mengetahui pendekatan mereka terhadap periwayatan dan penulisan, memahami istilah-istilah dalam bidang ilmu hadith, begitu juga hubungkait antara karya-karya yang dihasilkan.²⁶

Berdasarkan pentakrifan di atas, pengkaji mendapati definisi-definisi tersebut saling berkait rapat. Kesimpulannya, *al-manhaj* memberi maksud suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip dalam menterjemahkan ilmu-ilmu yang dapat memberi manfaat yang sangat luas.

²⁵ Mahmud Salim Ubaidat, (2008), *Tarikh al-Hadith wa Manahij al-Muhaddithin*, hlm 8.

²⁶ Muhammad 'Ali Salih al-Ghamidi, (2010), Pengajaran *Muqaddimah Manahij al-Muhaddithin*, laman web Jami'ah Um al-Qura (uqu.edu.sa/page/ar/140991), Tarikh dilawati : 28/4/2015.

2.3 *Manhaj Muhaddithin* dalam penulisan kitab-kitab hadits

Usaha dan keringat para ulama yang bersungguh-sungguh dalam menceburi bidang hadits telah berjaya mengharungi zaman penulisan dan menghasilkan karya-karya yang bermutu serta mempunyai objektif yang tersendiri. Kelainan yang terdapat di antara karya-karya mereka adalah berdasarkan kepada cara dan *manhaj* yang berbeza antara satu sama lain.²⁷ Berikut adalah antara bentuk-bentuk penulisan yang telah dihasilkan oleh para *muhaddithin* :

2.3.1 *Al-Masanid*

Al-Masanid adalah perkataan *jama'* bagi *al-musnad*. Ia merupakan kitab-kitab hadits yang disusun berdasarkan nama-nama Sahabat yang meriwayatkan hadits. Pengarang kitab *al-Masanid* menghimpunkan kesemua jenis hadits sama ada *sahih*, *hasan* dan *da'if* dengan pelbagai kaedah penyusunan nama Sahabat berdasarkan abjad huruf, atau nama *qabilah* (nama keluarga), golongan yang awal memeluk Islam, dan Sahabat-sahabat yang dijanjikan syurga.²⁸

Terdapat juga susunan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti " *Musnad Abi Bakar* " yang merupakan himpunan bagi hadits-hadits riwayat Abu Bakar, atau himpunan hadits-hadits yang diriwayatkan oleh sekumpulan Sahabat seperti " *Musnad al-Arba'ah* atau *Musnad al-'Asyrah* ", begitu juga " *Musnad al-Muqillin* " dan " *Musnad Sahabat yang berada di Mesir* " dan lain-lain lagi.²⁹

²⁷ Abu Jamil al-Hasan al-'Ilmi, (2005), *Ummahat Kutub al-Hadith wa Manahij al-Tasnif 'Inda al Muhaddithin*, hlm 8.

²⁸ Muhammad bin Jaa'far al-Kattani, (1993), *Al-Risalah al-Mustatrafah*, Dar al-Basyair al-Islamiyah, Beirut, cet 5, Jilid 1, hlm 60. Lihat juga : Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz Soroni, dan Rosni Wazir, (2010), *Manahij al-Muhaddithin Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith*, hlm 65.

²⁹ Rifat Fauzi 'Abd Muttalib, (2008), *Al-Madkhal Ila Manahij al-Muhaddithin*, hlmn 130. Lihat juga Muhammad bin Jaa'far al-Kattani, 1993, *Al-Risalah al-Mustatrafah*, hlm 60-61.

Abu Jamil menukilkan kenyataan Khatib al-Baghdadi yang menyebut : " Kaedah yang paling kami sukai adalah dengan mendahulukan 10 orang Sahabat yang dijanjikan syurga, kemudian golongan yang menyertai peperangan *Badar* " .³⁰

Justeru, penyusunan nama-nama Sahabat adalah mengikut tertib dan dimulakan dengan Sahabat yang awal memeluk Islam, Sahabat yang banyak meriwayatkan hadith dengan mengutamakan riwayat *Khulafa' al-Rasyidin*, kemudian 10 Sahabat yang dijanjikan syurga, dan diikuti *musnad* yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti *Musnad Basriyyin* atau *Syamiyyin*.³¹ Dalam situasi yang lain, al-Zarkasyi menyenaraikan beberapa bentuk penghasilan karya *al-Masanid* seperti berikut :-

1. Penyusunan riwayat para Sahabat berdasarkan kaedah *al-tarajum*³², iaitu menghimpunkan riwayat *tabi'in* daripada Sahabat tertentu dan menjadikannya sebagai tajuk, contohnya, pengarang menyebut : Hadith-hadith riwayat Sai'd bin Jubair daripada Ibn al-'Abbas.³³

Al-Hakim al-Naisaburi mensyaratkan supaya pengarang yang menggunakan kaedah ini perlu menyebutkan kesemua riwayat yang diambil oleh seseorang *tabi'in* daripada Sahabat tertentu, kemudian *mentakhrijkannya* dengan menjelaskan status hadith tersebut.³⁴

³⁰ Abu Jamil al-Hasan al-'Ilmi, 2005, *Ummahat Kutub al-Hadith wa Manahij al-Tasnif 'Inda al Muhaddithin*, hlm 32.

³¹ Rifat Fauzi 'Abd Muttalib, (2008), *Al-Madkhal Ila Manahij al-Muhaddithin*, hlmn 130-131.

³² Badruddin Abi 'Abdullah Muhammad bin Jamal al-Din 'Abdullah bin Bahadur al-Zarkasyi, 1998, *Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, Maktabah Adwa' al-Salaf, Riyad, juz 1, hlm 344.

³³ Dakhil bin Salih al-Lahidan, 2011, *Al-Masanid Nasy'atuha wa Anwa'uha wa Tariqat Tartibiha* <http://www.islammesssage.com>, Tarikh dilawati : 12/5/2015.

³⁴ Abu 'Abdullah Muhammad bin 'Abdullah bin Muhammad bin Hamdawaih al-Hakim al-Naisaburi, (2003), *Al-Madkhal Ila Ma'rifat Kitab al-Iklil*, Ahmad bin Faris al-Salum (pnyntg), Dar Ibn Hazim, Beirut, cet 1, hlm 64.

Ulama yang mendahului dalam mengaplikasi kaedah tersebut ialah ‘Ubaidillah Ibn Musa al-‘Abasi, Abu Daud al-Tayalisi, diikuti Ahmad bin Hanbal, Ishak bin Rahuyah, Abu Khaithamah Zuhair bin Harb dan selain mereka. Penulisan mereka ini merangkumi riwayat perawi *thiqah* dan sebaliknya.³⁵

2. Menyusun hadith-hadith *sahih* mengikut aturan *bab* seperti mana kandungan kitab *Sahih al- Bukhari*. Al-Hakim seperti yang dinukilkan oleh al-Zarkasyi telah membezakan di antara *al-abwab* dan *al-tarajum* dengan meletakkan syarat supaya menyebut lafaz-lafaz seperti yang disebutkan dalam kaedah *al-tarajum*. Manakala pendekatan yang digunakan bagi kaedah *al-abwab* pula ialah mengumpul hadith-hadith yang *thabit* daripada Rasulullah S.A.W. dan menyusunnya mengikut bab.³⁶
3. Penyusunan berdasarkan bab-bab *fiqh* dan hukum-hakam syariat dengan mencampur adukkan di antara hadith-hadith *sahih* dan *da'if*. *Musnad Baqi bin Makhlad* merupakan antara contoh penyusunan berdasarkan bab-bab *fiqh*.³⁷
4. Menghimpun hadith dan menjelaskan ‘illahnya dengan mengemukakan *furuq* yang berbilang-bilang dan percanggahan perawi terhadap hadith, seperti *Musnad Yaa‘qub bin Abi Shaibah*.

³⁵ Badruddin Abi 'Abdullah Muhammad bin Jamal al-Din 'Abdullah bin Bahadur al-Zarkasyi, 1998, *Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, hlm 345.

³⁶ Ibid, hlmn 345-346. Lihat juga : Abu 'Abdullah Muhammad bin 'Abdullah bin Muhammad bin Hamdawaih al-Hakim al-Naisaburi, (2003), *Al- Madkhal Ila Ma'rifat Kitab al-Iklil*, hlm 64.

³⁷ Abu Jamil al-Hasan al-'Ilmi, 2005, *Ummahat Kutub al-Hadith wa Manahij al-Tasnif 'Inda al Muhaddithin*, hlm 32.

5. Mengumpul hadith-hadith bagi guru-guru yang tertentu, seperti *Sunan al-Darimi*.³⁸
6. Membuat penyusunan berdasarkan kaedah *al-tarajum* dan mempunyai rangkaian *sanad* yang terkenal seperti sanad Malik daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar. Begitu juga *sanad* Suhail bin Abi Salih daripada ayahnya daripada Abu Hurairah dan *sanad* Hisyam bin 'Urwah daripada ayahnya daripada 'Aisyah.
7. Menghimpunkan dalam bentuk bab kemudian diasingkan seperti *Kitab al-Azan* karangan Ibn Hayyan dan *Kitab al-Salat* karangan Abi Nu'aim.
8. Karya yang menghimpunkan hadith para Sahabat berdasarkan abjad huruf, dimulakan dengan golongan yang menjadi keutamaan dari kalangan Sahabat dan diakhiri dengan *sighar* Sahabat dan Sahabat wanita.³⁹

Kesimpulannya, kaedah penyusunan karya-karya *al-Musnad* dibahagikan seperti berikut:-

1) Penyusunan berdasarkan nama-nama Sahabat :-

1. Berdasarkan keutamaan dalam memeluk Islam, Sahabat yang dijanjikan syurga, *Khulafa' al-Rasyidin* dan ahli *Badar*, Sahabat yang menyertai perjanjian *Hudaibiyah*, Mereka yang memeluk Islam kemudian berhijrah, Sahabat yang memeluk Islam pada hari

³⁸ Badr al-Din Abi 'Abdullah Muhammad bin Jamal al-Din 'Abdullah bin Bahadur al-Zarkasyi, 1998, *Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, hlm 346.

³⁹ Ibid, hlm 347-348.

pembukaan Mekah, *sighar* Sahabat, Manakala Sahabat wanita yang diutamakan adalah dari kalangan *Ummahat al-Mukminin*.

2. Mengikut susunan nama keturunan dan didahulukan dari keturunan *Bani Hasyim*.

3. Berpandukan abjad huruf.

2) Penyusunan berdasarkan periwayatan para Sahabat :-

1. Susunan berdasarkan *al-Tarajum*.
2. Berpandukan bab-bab *fiqh*.
3. Riwayat Sahabat secara umum tanpa mengikut tertib.⁴⁰

Karya-karya berkaitan *al-Masanid* banyak dihasilkan oleh para *muhaddithin* berpandukan metod himpunan hadith-hadith Nabi S.A.W. dengan mengasingkannya daripada *athar* Sahabat dan *tabi'in*. Jumlah karya *al-Masanid* seperti yang disebut oleh Al-Kattani di dalam *al-Risalah al-Mustatrafah* adalah sebanyak 82 buah.⁴¹ Penghasilan karya *al-Masanid* dianggap sebagai satu perkembangan yang baik dalam bidang penulisan hadith lantaran karya sebelumnya seperti kitab *al-Muwatta'at* yang menghimpunkan hadith beserta *athar* para Sahabat dan *tabi'in* tanpa diasingkan.⁴²

⁴⁰ Dakhil bin Salih al-Lahidan, *Al-Masanid Nasy'atuha wa Anwa'uha wa Tariqat Tartibiha*, hlm 12.

⁴¹ Abu Jamil al-Hasan al-'Ilmi, 2005, *Ummahat Kutub al-Hadith wa Manahij al-Tasnif 'Inda al Muhaddithin*, hlm 32.

⁴² Rif'at Fauzi 'Abd Muttalib, 2008, *Al-Madkhal Ila Manahij al-Muhaddithin*, Dar al-Salam, Kaherah, hlm 131.

2.3.1.1 Contoh karya *al-Masanid*: Musnad Ahmad

Salah satu contoh kitab daripada kategori *al-Masanid* ialah *Musnad Ahmad*. Kajian ini akan mengemukakan secara ringkas mengenainya.

Pengarang kitab ini ialah Ahmad bin Hanbal al-Shaibani. Dianggap sebagai *Syaikh al-Islam* dan merupakan salah seorang ilmuwan yang berpengaruh pada zamannya. Beliau mula mengarang kitab *Musnadhya* setelah pulang daripada berguru dengan 'Abd Razak di Yaman ketika berumur 36 tahun.⁴³

Musnad Ahmad merupakan karya yang paling utama di antara kitab-kitab *al-Musnad*.⁴⁴ Ia adalah himpunan hadith-hadith yang dicatatkan oleh Ahmad dalam lembaran-lembaran kertas kerana beliau wafat sebelum sempat menyempurnakannya. Kemudian diteruskan oleh anaknya 'Abdullah dan terdapat penambahan yang dibuat oleh anaknya dan muridnya Abu Bakar al-Qati'i terhadap isi kandungan *Musnad Ahmad*.⁴⁵

Kitab *Musnad* yang dihasilkannya mengandungi empat puluh ribu hadith menurut Abu Musa al-Madini. Kemudian beliau mengemukakan pandangan Ibn al-Munadi yang mengatakan bahawa terdapat tiga puluh ribu hadith diriwayatkan tanpa ulangan dan empat puluh ribu yang disebutkan sebelum ini adalah beserta hadith yang diulang.⁴⁶

⁴³ Rif'at Fauzi 'Abd Muttalib, 2008, *Al-Madkhal Ila Manahij al-Muhaddithin*, hlm 169-171.

⁴⁴ Muhammad bin Jaa'far al-Kattani, 1993, *Al-Risalah al-Mustatrafah*, hlm 61.

⁴⁵ 'Abd 'Aziz bin Imam Waliullah al-Dihlawi, *Bustan al-Muhaddithin*, Dar al-Gharb al-Islami, hlm 70.

⁴⁶ Shamsuddin Abi al-Khair Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf Ibn al-Jazari, 1990, *Al-Mus'ad al-Ahmad*, Maktabah al-Taubah, Mesir, hlm 13.

Status bagi hadith-hadith yang terdapat dalam *Musnad* ini adalah terdiri daripada *sahih*, *hasan* dan *ḍa'if*. Ini kerana kecenderungan Ahmad dan para ilmun pada zamannya dalam mengumpul hadith-hadith Nabi S.A.W. secara umum. Malahan Ahmad mempunyai pandangannya yang tersendiri terhadap hadith-hadith yang *ḍa'if* dengan anggapan bahawa ia lebih baik daripada menerima pendapat orang awam jika tidak terdapat hadith *sahih* atau *hasan*.⁴⁷

Abu Qasim Ismail al-Taimi menyatakan bahawa musnad Ahmad hanya mengandungi hadith-hadith *sahih* yang *masyhur*, *hasan* dan juga *gharib*.⁴⁸ Ibn Taimiyah juga menjelaskan bahawa Ahmad bin Hanbal dan ulama-ulama *salaf* membahagikan hadith kepada dua kategori iaitu *sahih* dan *ḍa'if*. Bahkan *ḍa'if* yang dimaksudkan oleh Ahmad ialah *ḍa'if* yang ringan yang memberi maksud *hasan*.⁴⁹

Walau bagaimanapun, beliau hanya menerima riwayat daripada perawi-perawi yang *thiqah* pada pandangannya. Ini merupakan diantara syarat-syaratnya menurut Abu Musa al-Madini. Selain itu, Ibn Taimiyah menyatakan bahawa ulama saling berselisih pendapat terhadap pertikaian mengenai hadith *mawdu'* yang terdapat di dalam *Musnad* Ahmad. Kemudian beliau menjelaskan bahawa Ahmad tidak menerima riwayat perawi yang dikenali dengan sifat berbohong seperti Muhammad bin Sai'd al-Maslub dan seumpamanya. Tetapi beliau menerima riwayat perawi yang *ḍa'if* dari sudut hafalannya dan beliau akan menjejaki *ṭuruq* lain yang dapat menyokong riwayat tersebut dengan melakukan proses *I'tibar*.⁵⁰

⁴⁷ Rifat Fauzi 'Abd Muttalib, 2008, *Al-Madkhal Ila Manahij al-Muhaddithin*, hlm 171.

⁴⁸ Shamsuddin Abi al-Khair Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf Ibn al-Jazari, *AlMus'ad al-Ahmad*, hlm 15.

⁴⁹ Ibid, hlm 16.

⁵⁰ Ibid, hlm 15-16.